



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 19/2018 dari 6 hingga 12 Mei 2018)

Kes Demam Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-19 iaitu dari 6 hingga 12 Mei 2018 menunjukkan tren penurunan. Sejumlah 872 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-19, penurunan 165 kes (15.9%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,037 kes. Terdapat dua (2) negeri menunjukkan peningkatan pada minggu ke-19 iaitu Perak dan Sarawak. Jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 12 Mei 2018 sebanyak 21,257 kes berbanding 35,002 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 13,745 kes (39.3%).

Terdapat dua (2) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-19, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 39 kematian, berbanding 83 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 44 kematian (53%).

Jumlah lokaliti wabak semasa menurun sebanyak 22 lokaliti (6.2%), iaitu 335 lokaliti pada minggu ke-19 berbanding 357 lokaliti pada minggu sebelumnya. Manakala sebanyak 46 lokaliti hotspot melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu Selangor (41), WPKL-Putrajaya (3) dan Sabah (2) telah dilaporkan.

Terdapat dua (2) kes Chikungunya melibatkan negeri Kelantan dilaporkan pada minggu ke-19. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 12 Mei 2018 adalah sebanyak 69 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 27 kes di Daerah Tumpat, 5 kes di Daerah Kota Bharu, 2 kes di Daerah Kuala Muda, 1 kes di Daerah Sik, 1 kes di Daerah Meradong, 1 kes di Daerah Machang, 1 kes di Daerah Kangar, 1 kes di Daerah Sepang dan 1 kes di Daerah Penampang.

Bagi penyakit Zika, pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 1,104 sampel darah dan lapan (8) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Menjelang bulan Ramadan, aktiviti dan tumpuan orang awam akan tertumpu di bazar-bazar Ramadan. Oleh itu, pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memastikan kawasan ini adalah bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk. Individu disarankan menggunakan repelen atau melindungi diri dari gigitan nyamuk dengan menggunakan pakaian yang menutup anggota badan apabila melakukan aktiviti di luar rumah.

Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

2 | Mei 2018

DATO' DR. HJ. AZMAN BIN ABU BAKAR
(MMC: 25629)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2018
(6 hingga 12 Mei 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 19/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 19/2017	
		Minggu 19 (6 May – 12 May 2018)		Minggu 18 (29 April – 5 May 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	2	0	85	0	68	0
2	Kedah	22	0	27	0	523	2	581	3
3	P. Pinang	77	0	51	0	1379	1	872	5
4	Perak	38	0	49	0	1154	2	3129	7
5	Selangor	528	1	616	0	11779	11	18533	29
6	WP KL & Putrajaya	61	0	93	0	1541	2	3402	13
7	N. Sembilan	12	0	24	0	422	0	1597	7
8	Melaka	4	0	4	0	171	0	659	0
9	Johor	70	0	91	1	1982	5	2527	10
10	Pahang	7	1	14	0	319	2	778	1
11	Terengganu	2	0	2	0	65	0	124	0
12	Kelantan	7	0	10	0	318	1	1451	2
13	Sarawak	4	0	3	0	177	1	534	3
14	Sabah	39	0	51	0	1323	12	743	3
15	WP Labuan	0	0	0	0	19	0	4	0
	MALAYSIA	872	2	1037	1	21257	39	35002	83

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 19/2018
(6 hingga 12 Mei 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	39	2/2/2018
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	75	2/5/2018
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang A : Blok G1 - G8)	44	2/6/2018
4	SELANGOR	Gombak	Kip Bt 8	12	2/25/2018
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	17	3/8/2018
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3)	31	3/9/2018
7	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	18	3/16/2018
8	SABAH	Kunak	Kg Jaya Baru	27	3/19/2018
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22)	11	3/19/2018
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	23	3/19/2018
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	22	3/21/2018
12	SABAH	Kunak	Kg Bagiang	7	3/23/2018
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	18	3/24/2018
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Kinrara 1 (Teres)	12	3/25/2018
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai 1 & 2)	10	3/26/2018
16	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv3 (Zon B)	6	3/26/2018
17	SELANGOR	Klang	Pulau Indah (Flat Bandar Armada Putra)	14	3/26/2018

18	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Ruby : Blok E, F, G & H)	11	3/27/2018
19	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	14	3/30/2018
20	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	13	3/28/2018
21	SELANGOR	Klang	B.B.K Appartment Palm Ville	26	3/29/2018
22	SELANGOR	Klang	Telok Gadong (Jln Telok Gadong 1)	11	3/29/2018
23	SELANGOR	Klang	Taman Sri Sementa(Jln Sri Sementa 3)	19	3/30/2018
24	SELANGOR	Gombak	Appt Casmaria	15	3/29/2018
25	WPKL	Titiwangsa	Taman Sri Rampai A (Jln 1/26 - 12/26))	9	3/29/2018
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	8	3/31/2018
27	SELANGOR	Gombak	Tmn Permata Zon B	9	4/3/2018
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	31	4/2/2018
29	SELANGOR	Gombak	Appt Lily Rawang Perdana	10	4/2/2018
30	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Seri Saujana, Bsp	10	4/4/2018
31	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	14	4/4/2018
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen U17 (Kg Kubu Gajah : Jln Gajah 23)	6	4/5/2018
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres D : Jln 7/23 - 7/27)	19	4/6/2018
34	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	7	4/6/2018
35	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	13	4/8/2018
36	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Yusuf Shahbudin 17-20)	7	4/9/2018
37	SELANGOR	Gombak	Rawang Integrated Industrial Park	14	4/9/2018
38	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat B : Blok 10 - 21)	6	4/9/2018

39	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (Ken Damansara Kondo 2)	13	4/9/2018
40	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/5 - 4/10)	5	4/9/2018
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2 (Uitm : Kolej Meranti)	26	4/11/2018
42	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat A : Blok 1 - 10)	7	4/11/2018
43	SELANGOR	Gombak	Appt Orkid Rawang Perdana	13	4/12/2018
44	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	14	4/11/2018
45	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (1)	8	4/12/2018
46	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 5/1,5/3,5/5,5/7,5/9,5/11 ,5/13,5/15,5/16,5/17,5/ 18 & 5/19 Bandar Bukit M	5	4/12/2018